

## KERATAN AKHBAR



AKHBAR	:	SINAR HARIAN	
TARIKH	:	10/4/2017	MUKA SURAT : 52
JABATAN	:	PERHILITAN	
KLASIFIKASI	:	<b>PERHATIAN</b>	

# Tiga jam pindah gajah liar

Perhilitan Kelantan guna gajah denak, Rambai dan Ambot dalam operasi berkenaan

SAPINAH AB GHANI

JELI - Perhilitan Kelantan berjaya memindahkan seekor gajah liar dipercayai telah merosakkan tanaman penduduk di Kampung Kuala Long di sini, semalam.

Timbalan Pengarah Perhilitan Kelantan, Ahmad Kamsul Alias berkata, operasi memindahkan gajah jantan seberat tiga tan itu dilakukan dengan bantuan Pusat Konservasi Gajah Kebangsaan Kuala Gandah, Pahang.

"Kita menggunakan dua gajah denak betina dikenali sebagai Rambai dan Ambot untuk jinakkan gajah liar tersebut.

"Gajah berkenaan akan dihantar ke Taman Negara Pahang selepas ini," katanya kepada media selepas tamat operasi pemindahan itu, di sini semalam.

Menurut beliau, seramai 18 anggota termasuk lapan dari Pusat Konservasi Gajah Kebangsaan Kuala Gandah terlibat dalam operasi selama tiga jam yang bermula kira-kira jam 9 pagi itu.

Beliau berkata, pada 1 April lalu, pihaknya menerima aduan daripada penduduk kampung berkenaan dan bertindak atas maklumat tersebut usaha menangkap gajah berkenaan dilakukan.

"Rabu lalu kita berjaya

mengangkap gajah liar itu dengan tembakan peluru pelali.

"Difahamkan terdapat dua ekor gajah lain yang berkeliraran di kawasan ini dan kita akan terus menjajaknya," katanya.

Mengulas lanjut, Ahmad Kamsul berkata, pihaknya memperuntukkan sejumlah RM40,000 untuk proses pemindahan gajah liar tersebut.

"Tahun ini kami sudah berjaya memindahkan tiga gajah liar di negeri ini sejak awal Februari, Mac dan April melibatkan kawasan Gua Musang, Kuala Krai dan Jeli," katanya.



Proses pemindahan mengambil masa kira-kira tiga jam yang menggunakan dua ekor gajah betina denak bagi menjinakkan gajah liar tersebut.